

Kertas Bil. 38/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH
SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW WATER
RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF
SELANGOR- JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERHUBUNG “PENGURUSAN AIR NEGERI
SELANGOR (KUANTITI): PERSEDIAAN BEKALAN AIR
UNTUK MUSIM KERING DAN MASA DEPAN.”**

PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH (JPK-SAM), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
“PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUANTITI): PERSEDIAAN BEKALAN AIR UNTUK MUSIM KERING DAN MASA DEPAN.”

1. PENDAHULUAN

- 1.1. JPK-SAM telah mengadakan pendengaran tertutup pada 25hb Jun 2015 dan 2hb Julai 2015 untuk mendapatkan penjelasan mengenai Analisis Persediaan Untuk Musim Kering dan Maklumat Lengkap Sistem & Pelan Pengagihan Air Terawat dari Loji Langat dan Semenyih.
- 1.2. Ahli Jawatankuasa meneliti isu ini memandangkan musim kering yang bermula bulan Mei – September 2015.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Menurut Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia akan mengalami musim kering bermula pada 19 Mei 2015 dan dijangka berterusan sehingga September 2015.
- 2.2. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang masalah yang berkaitan dengan pengurusan sumber air mentah yang berlaku di dalam negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAM memastikan bahawa perancangan penyediaan bekalan air mentah Kerajaan Negeri Selangor untuk menghadapi musim kering ini adalah mencukupi.
- 2.3. Ahli-ahli JPK-SAM juga mengambil berat tentang status bekalan air terawat di Negeri Selangor dengan projek-projek yang dijalankan.
- 2.4. Dengan itu, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Konsortium ABBAS Sdn. Bhd. (ABBAS) dipanggil untuk memberi keterangan.

3. AHLI JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
ADN Bangi

3.3. Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
ADN Seri Andalas

3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
ADN Bukit Gasing

3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
ADN Ijok

3.6. Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak
ADN Permatang

3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
ADN Bukit Melawati

4. SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

4.1. Nama saksi-saksi yang hadir pada 25hb Jun 2015 dan 2hb Julai 2015 adalah seperimana di dalam Lampiran 1.

5. AIR MENTAH SELANGOR

5.1. Seksyen ini menghuraikan status air mentah di Selangor untuk menghadapi musim kering dari Mei ke September 2015 menurut UPEN dan LUAS.

5.2. Status Empangan-empangan Negeri Selangor

Struktur sumber air mentah adalah seperti berikut:



*LRA = Loji Rawatan Air

- 5.2.1. Status Empangan pada bulai Mei 2015 di Empangan Sg Selangor (SSD), Sg Tinggi (STD), dan Semenyih adalah lebih baik daripada tahun 2014. Walau bagaimanapun paras air di Empangan Langat kurang memuaskan kerana terdapat pelepasan tinggi pada bulan Mac akibat kekurangan hujan.
- 5.2.2. Paras air Empangan Sg Batu adalah rendah berbanding tahun 2014, tetapi paras air Empangan Klang Gates dan Tasik Subang adalah lebih tinggi daripada tahun 2014.
- 5.2.3. Secara keseluruhannya, status simpanan empangan-empagan negeri Selangor adalah agak stabil dan melebihi 70%. Oleh itu simpanan takungan air adalah mencukupi untuk membekalkan air mentah semasa musim kering bulan Jun-September 2015 kecuali Empangan Langat yang agak kritikal kerana baki simpanan dijangkakan akan turun sehingga 30% pada pertengahan bulan September dan 10% pada bulan Oktober jika tiada apa-apa dilakukan.

5.3. Lembangan Sungai Selangor

- 5.3.1. Sebanyak 208 Operasi pemberian awam (OPA) telah dijalankan di Lembangan Sg Selangor bermula 21 Februari 2015 sehingga 24hb Jun 2015. Perlaksanaan OPA didapati membantu meningkatkan jumlah hujan di kawasan tadahan air empangan dan seterusnya meningkatkan paras air empangan. Paras SSD telah meningkat kepada 80.81% (212.95m) pada 24hb Jun 2015 berbanding pada 1hb Jan 2015 iaitu 69.84% (208.2m). Perkembangan positif dilihat dengan peningkatan kapasiti bagi tempoh 6 bulan pertama tahun 2015 yang menunjukkan peningkatan jumlah hujan sebanyak 11.02% berbanding tahun 2014. Jumlah kos yang diperuntukkan untuk OPA adalah RM 2,856,000.00 untuk tahun 2015. Sehingga kini kos yang telah dibelanjakan adalah RM 2,004,207.12 setakat Mei 2015.
- 5.3.2. Selain daripada SSD dan STD, kolam-kolam takungan yang disediakan di Sg Selangor mampu membekalkan 880 JLH air mentah tambahan kepada Sg Selangor. 9 unit pam pontun baru telah dipasang oleh Jabatan Pengurusan Air Selangor (JPS). Dengan ini, 10 unit pam-pam pontun yang dipesan daripada Sweden pada April 2014 telah akhirnya siap untuk beroperasi di kawasan Sg Selangor.
- 5.3.3. Menurut simulasi simpanan SSD, untuk senario maksium dan purata, simpanan SSD dijangka mencapai 100% simpanan pada bulan Disember 2015 manakala dalam senario minimum, simpanan SSD dijangka menyamai Disember 2014 iaitu 72%. (Lampiran 2)

5.3.4. Menurut simulasi simpanan STD, untuk senario maksimum dan purata, simpanan STD dijangka mencapai 100% simpanan pada bulan Disember 2015 manakala dalam senario minimum, simpanan STD dijangka menghampiri 100%. (Lampiran 3)

5.4. Lembangan Sungai Langat

5.4.1. Sekiranya langkah pengurangan pelepasan air Empangan Langat tidak diambil dan pelepasan dikekalkan pada maksimum 200JLH, maka Empangan Langat hanya boleh bertahan sehingga awal Oktober dengan baki 10%.

5.4.2. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan air di Empangan Langat, UPEN telah merancang penyelesaian Lestari Empangan Langat:

i. *Inter-basin transfer*

- a. Menjalankan pam 50 JLH di Empangan Semenyih ke Sg Gemin dalam tadahan LRA Langat
- b. Ini akan mengurangkan pelepasan Empangan Langat sebanyak 50 JLH
- c. Jika langkah ini diambil, kedua-dua Empangan Sg Semenyih dan Sg Langat didapati boleh bertahan sehingga pertengahan Oktober dengan baki simpanan air sebanyak 30% paras empangan.

ii. *Inter-state transfer*

- a. Menyalurkan air mentah dari Pahang melalui terowong Langat 2 yang telah siap dibina.
- b. Terowong Langat 2 mampu membekalkan air mentah sebanyak 500 JLH ke Sg Langat.
- c. Kadar air mentah adalah mengikut perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang Selangor yang ditandatangani pada 22hb November 2007. Harga air mentah yang dipersetujui adalah pada kadar RM 0.10 bagi setiap meter padu bermula dari tarikh pertama penyaluran bekalan air mentah tersebut.
- d. Oleh itu, untuk membekalkan 500 JLH, ia akan menelan kos sekitar RM50,000 sehari.

6. AIR TERAWAT SELANGOR

6.1. Seksyen ini menghuraikan status air terawat di Negeri Selangor terutamanya di Wilayah Hulu Langat menurut UPEN dan SYABAS.

6.1.1. Menurut SYABAS, pengeluaran hampir semua LRA di Wilayah Hulu Langat beroperasi di luar kapasiti rekabentuk (seperti jadual dibawah). LRA-LRA di Wilayah Hulu Langat memberikan perkhidmatan kepada 242,568 akaun-akaun.

6.1.2. Bekalan utama air bersih untuk Wilayah Hulu Langat adalah daripada dua loji utama iaitu :-

Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti rekabentuk	Purata Pengeluaran Mei 2015
LRA Sg. Langat	386MLD	465.52MLD (120.60%)
LRA Sg. Semenyih	545MLD	676.62MLD (124.15%)

6.1.3. Manakala terdapat beberapa loji kecil lain yang membekalkan air ke Wilayah Hulu Langat iaitu :-

Loji Rawatan Air (LRA)	Kapasiti rekabentuk	Purata Pengeluaran Mei 2015
LRA Cheras Bt 11	27MLD	23.23MLD (86.04%)
LRA Lolo Baru	2.5MLD	2.99MLD (119.60%)
LRA Lolo Lama	0.4MLD	0.78MLD (195.00%)
LRA Sg. Serai	0.9MLD	1.67MLD (185.56%)
LRA Sg. Pangsoon	1.8MLD	4.65MLD (258.33%)

6.1.4. SYABAS mengatakan bahawa LRA-LRA di Wilayah Hulu Langat yang sedang beroperasi di luar kapasiti rekabentuk secara maksima tidak mampu menepati permintaan yang meningkat setiap hari.

6.1.5. Secara keseluruhannya, SYABAS menegaskan bahawa isu di mana pengeluaran air terawat tidak dapat menampung permintaan adalah isu yang serius di Negeri Selangor terutamanya Wilayah Hulu Langat. Rezab bekalan air terawat adalah semakin menipis pada masa ini kurang daripada 1% atau negatif.

6.1.6. SYABAS juga mengatakan bahawa 1021 projek yang memerlukan 897 JLH telah tertangguh di Selangor kerana tiada air terawat yang mencukupi.

- 6.1.7. Pihak SYABAS telah mengaktifkan ERP Kod Hijau bermula di Wilayah Hulu Langat dari 3hb Mac 2015 (lanjutan henti tugas LRA Sg Semenyih) sehingga ke hari ini. Pengaktifan ini adalah untuk memastikan bantuan bekalan air di kawasan terjejas dapat disalurkan kepada pengguna.
- 6.1.8. Sepanjang pengaktifan ERP, sebanyak 20 buah lori tangki dan sebanyak 43 unit tangki statik. Jumlah trip lori tangki sepanjang pengaktifan ERP ini adalah 1532 trip (sehingga 23hb Jun 2015) yang menelan kos RM 100,000 dan ditanggung sepenuhnya oleh SYABAS.
- 6.1.9. Kawasan-kawasan yang terletak di tempat tinggi dan jauh dari sumber bekalan air akan mengalami gangguan bekalan air ataupun tekanan rendah, di mana sering berlaku kepada beberapa kawasan di Wilayah Hulu Langat.
- 6.1.10. SYABAS juga menerangkan bahawa terdapat kekerapan penutupan LRA akibat pencemaran sumber air mentah telah menjaskan pembekalan air terawat:
- i. LRA Sg Semenyih
 - a. Berlaku masalah peningkatan Ammonia dan Manganese pada air mentah
 - b. 5 kes direkodkan sepanjang tahun 2015
 - c. Menyebabkan tempoh pemulihan yang lama di Wilayah Hulu Langat
 - d. Kawasan yang terjejas adalah kawasan bekalan Kolam Terminal Bandar Baru Bangi
 - ii. LRA Sg Langat
 - a. Masalah peningkatan kekeruhan air mentah kerap berlaku
 - b. LRA mengurangkan pengeluaran sebanyak 15-20%
 - c. 34 kes direkodkan sepanjang tahun 2015 setakat Mei 2015
 - iii. LRA Cheras Bt 11
 - a. Kerap berlaku masalah peningkatan Ammonia pada air mentah
 - b. 10 kes direkodkan sepanjang tahun 2014-2015.
- 6.1.11. Memandangkan peningkatan pengguna air berbanding dengan pengeluaran air, SYABAS mencadangkan langkah-langkah berikut diambil:

- i. Membekukan sementara kelulusan pembangunan baru terutamanya di 'water stress area' kawasan yang kekurangan air untuk Wilayah Hulu Langat. SPAN telah mengeluarkan surat arahan pembekuan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertarikh 25hb Mei 2015.
- ii. Memastikan pembinaan LRA Langat 2 yang berkapasiti 1130 MLD berjalan dengan lancar agar ia dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- iii. Memastikan pemantauan kualiti air sungai-sungai utama terutamanya Sg Langat dan Sg Semenyih di dalam keadaan baik (mematuhi standard) untuk mengelakkan sebarang permasalahan yang boleh menjelaskan penutupan pengoperasian LRA.
- iv. Melaksanakan peraturan untuk mengawal penggunaan air (*hose banned rules*) kerana rakyat Malaysia menggunakan 235 MLD sehari untuk setiap orang.
- v. Melaksanakan pengagihan bekalan air berjadual di kawasan yang terjejas (*rationing*).
- vi. Persiapan awal daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menghadapi krisis bekalan air seperti penyediaan lori tangki dan tangki statik tambahan.
- vii. Memastikan projek-projek mitigasi 2 dapat dilaksanakan dengan kadar segera untuk penambahan rezab bekalan air bersih dalam jangka masa pendek.
- viii. Mengadakan dan menyegerakan projek mitigasi tambahan seperti berikut:-
 - a. Kerja menaiktaraf LRA Sg Langat dengan pertambahan sebanyak 50MLD, di mana tender telah dibuka untuk permohonan sehingga 30hb Jun 2015, dan akan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan.
 - b. Projek pemindahan air bersih dari LRA Ngori-Ngori, Negeri Sembilan sebanyak 50MLD (85MLD keseluruhan dijual kepada Selangor).
 - c. Meluluskan projek NRW (*non revenue water*) tambahan dengan bantuan dana.

7. STATISTIK JUMLAH PENGGUNAAN AIR MALAYSIA 2012-2013 OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA (SPAN)

7.1. Jadual penggunaan air setiap hari mengikut negeri¹ :

Negeri	Penggunaan Air Per Kapita Setiap Hari	
	l/cap/d	
	2012	2013
Johor	221	223
Kedah	226	225
Kelantan	136	140
Labuan	164	167
Melaka	237	237
N. Sembilan	227	227
Pulau Pinang	294	296
Pahang	186	189
Perak	237	234
Perlis	241	242
Sabah	115	109
Sarawak	175	168
Selangor	235	235
Terengganu	205	211
MALAYSIA	212	210

7.2. Penggunaan air domestik Selangor per kapita ialah sebanyak 235 JLH, iaitu 40% lebih daripada apa yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebanyak 165 MLD. Ini bermakna rakyat di Selangor menggunakan air 40% lebih daripada apa yang sepatutnya.

8. STATUS LANGAT 2

8.1. Projek Langat 2 akan dapat membekalkan Selangor dengan 2260 JLH dan dibahagikan kepada dua fasa, 1130 JLH setiap fasa. Projek ini adalah milik sepenuhnya Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

8.2. Projek Langat 2 Fasa 1 akan menambahkan jumlah air terawat sebanyak 1130 JLH di mana air terawat akan diagihkan ke kawasan-kawasan berikut:

- Koridor Barat sebanyak 517.5 JLH untuk kawasan sekitar Cheras, Sg Besi, Bukit Jalil dan Puchong

¹ Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. <

[http://www.span.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=766&Itemid=421&lang=bahasa>](http://www.span.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=766&Itemid=421&lang=bahasa)

- ii. Tangki Imbangan sedia ada Hulu Langat sebanyak 325.5 JLH untuk kawasan Kuala Lumpur
- iii. Koridor Utara sebanyak 287JLH untuk kawasan Ampang dan Hulu Klang.

8.3. Perkembangan Pembinaan Loji Langat 2

- 8.3.1. UPEN mengatakan bahawa pada 19hb November 2014, kelulusan kesemua Kebenaran Merancang, Kelulusan Pelan Infrastruktur, Kelulusan Pelan Bangunan dan Kelulusan Pengambilan Balik Tanah telah ditangguhkan sepertimana keputusan MMKN ke 44/2014 dan disahkan dalam MMKN ke 45/2014 sementara waktu sehingga perkara-perkara berhubung Perjanjian Utama diselesaikan.
- 8.3.2. Selain itu, juga dianggarkan bahawa lebih daripada 50 permit kerja diperlukan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan negeri untuk Projek Langat 2 ini.
- 8.3.3. Antara 10 Kebenaran Merancang (KM) yang diperlukan. 7 telah diluluskan tetapi hanya 1 sahaja yang kerja dimulakan, 5 pakej telah lupus tarikh kelulusan dan 1 pakej lagi perlu permohonan semula kerana tapak telah ditukar ke kawasan perumahan.
- 8.3.4. Selain dari kebenaran dan permit dari PBT dan agensi Kerajaan Negeri yang masih belum diperolehi, pelaksanaan Projek Langat 2 juga menghadapi masalah dari segi pengambilan balik tanah. Secara amnya, pengambilan balik tanah yang terlibat adalah seperti jadual di bawah: -

Bil	Status	Anggaran Lot
1	Jumlah Pengambilan	289
2	Selesai Pengambilan	244
3	Dalam Proses Penilaian dan Bicara	23
4	Dalam proses untuk diwarta (telah ditangguhkan)	22

- 8.3.5. Kelulusan rasmi penggunaan Rizab Hutan Simpan dan kebenaran untuk pemindahan pokok, batu-bata dari rizab hutan masih belum diperolehi dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Pengambilan balik tanah dianggarkan akan bertambah lagi sebanyak 90 Lot dan

permohonan dijangka akan dikemukakan dalam masa terdekat selepas kerja-kerja Kajian dan Penyiasatan Tambahan.

- 8.3.6. Menurut UPEN, secara amnya, tempoh pembinaan bagi Pakej kerja yang belum dianugerahkan akan mengambil masa dari 24 sehingga 30 bulan bergantung kepada skop kerja. Walaubagaimanapun, dengan mengambil kira keperluan proses reka bentuk, pengambilan bali tanah, permohonan kelulusan dari PBT, tender dan pembinaan. Keseluruhan proses sehingga siapnya sesuatu kerja akan mengambil masa dalam lingkungan 45 bulan.
- 8.3.7. Justeru itu, dianggarkan Projek Langat 2 Fasa 1 hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada awal tahun 2019.

9. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 9.1. Negeri Selangor akan mengalami musim kering bermula pada 19 Mei 2015 dan dijangka berterusan sehingga September 2015.
- 9.2. Jawatankuasa mendapati bahawa dari segi air mentah, persediaan Negeri Selangor untuk mengalami musim kering tahun ini adalah lebih baik daripada tahun lepas.
- 9.3. Jawatankuasa mendapati situasi sumber air mentah di Lembangan Sungai Selangor adalah selesa dengan adanya operasi pemberian awam yang telah meningkatkan paras SSD serta kolam-kolam yang boleh membekalkan 880 JLH air mentah tambahan kepada Sg Selangor. Pam-pam yang diumumkan akan dibeli pada April 2014 akhirnya sudah dibeli dan siap dipasang di kolam-kolam.
- 9.4. Walaubagaimanapun, situasi Empangan Sungai Langat adalah membimbangkan dengan empangan hanya boleh bertahan sehingga awal Oktober dengan baki 10%. Jika pelepasan dikurangkan dengan mengongsi air dengan Empangan Semenyih, kedua-dua Empangan Sg Semenyih dan Sg Langat boleh bertahan sehingga pertengahan Oktober dengan baki simpanan air sebanyak 30% paras empangan. Langkah terakhir yang boleh diambil ialah mengepam air dari terowong Langat 2 yang sudah siap dibina yang boleh melepaskan air sebanyak 500 JLH ke Sg Langat. Maka Jawatankuasa berpendapat bahawa dengan adanya pemantauan dan tindakan yang cepat dari Kerajaan negeri, kuantiti sumber air mentah di Lembangan Sg Langat adalah mencukupi.
- 9.5. Namun risiko pencemaran (kualiti air) di Lembangan Sg Langat adalah sangat tinggi dan ia telah mengakibatkan gangguan pengeluaran air LRA di

Wilayah Hulu Langat - 5 kes di LRA Sg Semenyih, 34 kes di LRA Sg Langat dan 10 kes di LRA Batu 11 untuk tahun 2015 setakat sekarang. Rujuk kepada Penyata Pengurusan Air Negeri Selangor (Kualiti): Kaedah Menangani Pencemaran Air.

- 9.6. Selain daripada air mentah, Jawatankuasa mendapati bahawa bekalan air terawat untuk Negeri Selangor telah mencapai satu tahap kritikal. Rezab air terawat adalah 1% dan seringkali mencapai negatif.
- 9.7. Kini LRA-LRA di Selangor sedang beroperasi jauh melebihi keupayaan rekabentuk. Jawatankuasa mendapati bahawa sebarang penaiktarafan di LRA tidak mampu memberikan impak yang besar kepada bekalan air terawat Selangor (penaiktarafan hanya mampu meningkatkan kurang daripada 1% jumlah air terawat).
- 9.8. Maka Selangor akan mengalami rezab air terawat yang sangat nipis dari sekarang sehingga tahun 2017 dimana rezab air terawat Negeri Selangor akan menjunam kepada negatif secara keseluruhannya.
- 9.9. Jawatankuasa mendapati bahawa sekalipun telah disediakan rancangan-rancangan mitigasi, bekalan air terawat di Selangor tidak mencukupi bermula tahun 2017 sehingga Projek Langat 2 Fasa 1 dijangkakan siap pada tahun 2019.
- 9.10. Antara penyebab kekurangan bekalan air terawat di Negeri Selangor adalah akibat penggunaan air terawat dengan jumlah yang tidak terkawal oleh sesetengah pihak dan kebocoran NRW lebih daripada 30%.
- 9.11. Jawatankuasa mendapati bahawa penggunaan air rakyat Selangor adalah sangat tinggi berbanding dengan piawaian antarabangsa. Kempen penjimatan air (*demand management*) yang dijalankan oleh agensi-agensi air kerajaan di Selangor dan Persekutuan tidak mempunyai impak yang berkesan terhadap penggunaan air di Negeri Selangor.

10. SARANAN JAWATANKUASA

- 10.1. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan kebenaran merancang, permit serta pengambilan tanah yang diperlukan untuk membina Langat 2 boleh disegerakan.
- 10.2. Projek Langat 2 hendaklah disiapkan secepat mungkin. Jawatankuasa menggesa Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebagai pemilik projek

Langat 2 boleh membuat rancangan baru supaya Langat 2 Fasa 1 sekurang-kurang beroperasi sebagaimana pada tahun 2017.

- 10.3. Jawatankuasa menggesa supaya Kerajaan Negeri Selangor menetapkan piawaian (KPI) untuk mengurangkan NRW secara signifikan - sekurang-kurangnya 2% setiap tahun.
- 10.4. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk melipat-gandakan usaha kempen penjimatan air (*demand management*). Tindakan yang jauh lebih agresif dan efektif amat diperlukan untuk menangani masalah kekurangan air terawat dalam jangka masa pendek. Jawatankuasa berpendapat untuk melantik seorang ahli MMKN untuk mengetuai kempen ini.
- 10.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya harga kadar penggunaan berperingkat (*tier-pricing*) yang lebih efektif dikenakan untuk mengubah tabiat pengguna supaya mengurangkan penggunaan air di Negeri Selangor.
- 10.6. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri meningkatkan usaha untuk menguatkuaskan aktiviti-aktiviti haram yang menggunakan air yang tinggi seperti perniagaan cuci kereta haram.
- 10.7. Jawatankuasa mencadangkan supaya insentif tambahan diberikan kepada premis-premis yang menggunakan sistem menakung air hujan (*rain water harvesting*) dan peralatan yang menjimatkan penggunaan air (*water efficient*).
- 10.8. Untuk memberikan teladan yang baik, Jawatankuasa menggesa semua PBT dan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kerajaan Negeri hendaklah mengguna pakai sistem ini.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin, Pengurus Jawatankuasa JPK-SAM, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa JPK-SAM di mesyuarat Jawatankuasa pada 10hb Julai 2015.

Disahkan oleh :



.....

Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Mentah Negeri Selangor.

URUS SETIA:

1. Puan Elya Marini binti Darmin
2. Encik Jurasmadi bin Pauzi
3. Cik Azira binti Aziz
4. Cik Izan binti Mohamad Taib

Setiausaha Bahagian Dewan
Penolong Setiausaha
Penyelidik Kanan
Pembantu Tadbir

Lampiran 1 : Senarai Nama Saksi-Saksi**Bil. 8/2015**

Tarikh	:	6 Mei 2015 (Rabu)
Masa	:	2.30 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Pejabat Dewan Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan Annex

Jabatan yang dijemput:**Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**

1. Tuan Haji Md Khairi bin Selamat
(Pengarah)
2. Encik Mohd Nazifi bin Nawawi
(Pegawai Kawalan Alam Sekitar)

Konsortium ABASS Sdn. Bhd. (ABASS)

1. Encik Basar bin Ishak
(Pengurus Besar Operasi)
2. Encik Ahmad bin Rosli
(Penolong Pengurus Besar Operasi)
3. Encik Fitrinnas bin Mohammad Nazri
(Jurutera)
4. Puan Humairah Yeoh Yee Voon
(*Chemist*)
5. Encik Ainul Azhar bin Mohd. Jemoner
(Pengurus Besar Teknikal)

Chemindus Sdn. Bhd.

1. Encik Lian Chin Zeng
(*Technical Sales & Service Manager*)

Bil. 11/2015

Tarikh	:	3 Julai 2015 (Jumaat)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Pejabat Dewan Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan Annex

Jabatan yang dijemput:


Seksyen Makro dan Penswastaan (UPEN)

1. Encik Nor Azmie bin Diron
(Timbalan Pengarah)
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli
(Ketua Penolong Pengarah)
3. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din
(Penolong Pengarah)

Jawatankuasa Pemantau Air

1. Encik Mohd Sarbani bin Che Noh
2. Encik Mansor bin Abd Ghani
3. Encik Khairy bin Ayob
4. Encik Mohamad Yazid bin Selamat

Lampiran 2 :



Lampiran 3 :

